

Dalam Negeri

Anggota Kabinet terharu persaraan Dr. Mahathir

UM 30/10/2003 - 9 PRECISE

PUTRAJAYA 29 Okt. — Menteri-menteri Kabinet yang menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet terakhir kali ke-883 bersama Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini terharu dengan persaraan Perdana Menteri itu di samping melahirkan penghargaan yang tinggi terhadap jasa beliau kepada negara.

Pada masa yang sama mereka yakin penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mampu meneruskan perjuangan untuk membawa Malaysia ke tahap yang lebih tinggi.

Meskipun begitu, kata mereka, rasa kehilangan pasti akan terasa apabila Dr. Mahathir tidak lagi berada dalam mesyuarat mingguan Kabinet untuk masa akan datang.

"Kita pasti akan merindunya," kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting ketika ditemui sebelum sesi bergambar para menteri Kabinet dengan Dr. Mahathir berpakaian sut biru gelap di lobi bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Selepas sesi bergambar

itu, Dr. Mahathir telah mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinetnya yang terakhir sebelum menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Abdullah, Jumaat ini.

Dr. Mahathir mempengerusikan mesyuarat Kabinet pertamanya pada 22 Julai 1981, iaitu enam hari selepas dilantik sebagai Perdana Menteri keempat pada 16 Julai tahun yang sama.

Sementara itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak pula berkata, beliau menghargai kepimpinan, ketegasan dan keberanian Dr. Mahathir dalam membuat keputusan yang bukan sahaja telah berjaya, tetapi juga menyelamatkan negara dalam menghadapi pelbagai dugaan.

Beliau turut menyatakan terima kasih kepada Perdana Menteri itu yang banyak memberikan panduan kepadanya sejak menyertai Kabinet pada 1986.

Najib juga yakin, Abdullah mampu memimpin negara ke tahap yang lebih baik.

Sementara itu, Menteri

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, Dr. Mahathir telah mencorakkan masa depan negara dengan cukup jelas melalui wawasannya.

"Kita yakin beliau mampu memikul amanah ini untuk meneruskan perjalanan bagi membawa Malaysia ke masa depan lebih cemerlang," katanya.

Berkesan

Pada masa yang sama, beliau turut mengucapkan tahniah kepada Abdullah dan yakin beliau mampu menerajui negara dengan berkesan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, Dr. Mahathir meninggalkan landasan kukuh untuk kemajuan negara termasuk kepada kaum wanita.

Katanya, Perdana Menteri memahami aspirasi wanita sehingga membolehkan golongan wanita di negara ini turut sama dalam arus kemajuan negara.

Rafidah yang juga Ke-

tua Pergerakan Wanita UMNO berkata dengan sokongan padu Kabinet, pemimpin dan rakyat, Abdullah mampu meneruskan usaha membina kejayaan negara bersandarkan kepada apa yang telah dibina Dr. Mahathir.

"Warisan yang beliau terima itu sangat baik. Jadi prosesnya sekarang ialah meneruskan perjuangan itu dalam suasana yang semakin mencabar," katanya.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula berharap dorongan dan sumbangan Dr. Mahathir kepada negara selama ini akan berterusan walaupun selepas bersara.

Abdullah pula disifatkannya sebagai seorang yang jujur, ikhlas dan sentiasa mengambil kira pandangan dan sensitiviti semua pihak.

"Saya percaya dengan rekod beliau, tidak ada masalah bagi kita meneruskan agenda kita dan meningkatkan tahap pencapaian negara di masa depan," kata Hishammuddin.

Bagi Menteri Kebuda-

yaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Dr. Mahathir telah memberikan sumbangan penting dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

Terdahulu, Dr. Mahathir dan Abdullah bergambar dengan pegawai dan kakitangan Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan di Jabatan Perdana Menteri.

Pegawai dan kakitangan tersebut kemudian menghadiahkan sulaman angka '883' yang melambangkan 883 kali mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan oleh Dr. Mahathir termasuk yang terakhir hari ini.

Selepas selesai mesyuarat Kabinet, Dr. Mahathir menandatangani buku minit mesyuarat tersebut buat kali yang terakhir dan perpuluh-puluh lensa kamera merakamkan peristiwa pada detik 12.30 tengah hari itu.

Ketika saat begitu istimewa untuk diabadikan itu, Perdana Menteri dikelilingi para menteri Kabinet dalam suasana terharu dan hiba.